

# TAPS tingkatkan takungan air mentah Melaka

Faiz Hasan

**AYER LIMAU** - Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Sungai Jernih, di sini, bakal menjadi takungan air terbesar bagi Negeri Melaka selepas siap sepenuhnya.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, apabila beroperasi kelak TAPS dijangka dapat membantu menyelesaikan masalah air di daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah.

Beliau berkata, selain takungan gergasi, sebuah loji penapisan air juga akan dibina di kawasan itu dan semua kemudahan dirancang

dijangka siap sepenuhnya pada 2026 nanti.

"TAPS bakal memberikan banyak kelebihan kepada Negeri Melaka dalam aspek pengurusan air, selama ini kita turut bergantung kepada air dari Sungai Muar, Johor selain sumber lain dalam negeri.

"Dijangka selepas 2026 isu air bagi daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah akan diselesaikan seiring dengan hasrat pelan jangka panjang kita iaitu menuju persiapan air pada 2050," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke tapak projek TAPS di Kampung Sungai Jernih, di sini, pada Selasa.

Mengulas lanjut, Hameed berkata, setakat ini TAPS sudah menca-

pai kemajuan sebanyak 28 peratus.

Pembinaan TAPS sebelum ini dikenali sebagai Empangan Jernih dirancang sejak 2004 selepas Negeri Melaka dilanda krisis air susulan kekurangan sumber akibat kemarau teruk melanda.

Projek berkenaan diluluskan dibawa 'rolling plan 3' Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10).

Objektif projek berkenaan adalah membina muka sauk dan empangan dengan kapasiti takungan 14,000 juta liter air mentah.


Kapasiti itu dijangka mampu menampung keperluan pertambahan penduduk di Negeri Melaka hingga 2030, selain mengurangkan bergantung sumber air mentah dari Negeri Johor.



HAMEED ketika meninjau progres pembinaan TAPS Sungai Jernih.



KERJA-KERJA membina TAPS Jernih yang dijangka siap pada 2026.



MAKLUMAT kawasan tadahan TAPS Jernih